



08 FEB, 2025

Penggantungan helikopter tak jejas projek ECRL

Sinar Harian, Malaysia



Penggantungan helikopter tak jejas projek ECRL

PUTRAJAYA - Penggantungan penggunaan helikopter kedua yang terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan di tapak projek Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Bentong tidak akan menjejaskan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, penggantungan tersebut bersifat sementara apabila berlaku sesuatu insiden.

“Saya rasa tidak (jejaskan projek) dan kerja-kerja ECRL diteruskan,” katanya.

Terdahulu, TNB mengarahkan pemberhentian kerja bagi penggunaan helikopter kedua yang terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan di tapak projek TNB di kawasan Bentong.

Ia susulan insiden kemalangan helikopter di tapak pendaratan berhampiran Bentong, Pahang pada pagi Khamis yang menyebabkan seorang jurutera maut.

Helikopter berkenaan dipercayai sedang melakukan kerja-kerja di udara bagi tujuan pemasangan kabel projek TNB.

Dalam satu kenyataan, konglomerat itu memaklumkan mereka akan memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa dalam siasatan insiden tersebut.